

# PENCAPAIAN KONTINJEN JKSNs DI SMS4



**10-13 Ogos 2017:** Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan (JKSNs) telah menyertai Sukan Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia Kali Ke-4 (SMS4) pada 10 hingga 13 Ogos 2017 di Universiti Teknikal Malaysia, Melaka.

Penyertaan SMS4 ini melibatkan seramai 87 orang iaitu 72 orang pegawai dan kakitangan dari Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan dan 15 dari Bahagian Pendakwaan Syariah Negeri Sembilan yang dinaungi oleh Ketua Hakim Syariah Negeri Sembilan, Yang Amat Arif Dato' Hj Mohd Shukor bin Sabudin. Turut serta di dalam SMS4 ini adalah Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sembilan, Yang Arif Tuan Abu Zaky bin Mohamad dan Yang Arif Tuan Abdul Razak bin Mat Nayan, dan Ketua Pendaftar JKSNs, Puan Ruzita binti Ramli.

Pada kali ini, Tuan Khairil Hafiz bin Nazari telah dipilih sebagai Ketua Kontinjen. Manakala Encik Nur Ekhsan bin Abu Kassim sebagai Timbalan Ketua Kontinjen. Ketua Perbarisan pula diketuai oleh Tuan Mohd Adil bin Yahaya.

Majlis Perasmian telah diadakan pada 10 Ogos 2017, jam 8.00 malam di Padang Universiti Teknikal Malaysia, Melaka. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh YAB Datuk Seri Utama Ir. Hj. Idris bin Hj. Haron, Ketua Menteri Melaka dan turut serta di dalam majlis tersebut adalah YB Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi Bin Dato' Dusuki (Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri), YAA Tan Sri Dato' Setia Dr. Ibrahim bin Lembut (Ketua Pengarah/ Ketua Hakim Syariah JKSM) dan tetamu-tetamu kehormat yang lain.

Pada kali ini sebanyak 17 acara yang dipertandingkan iaitu Bola Sepak, Bola Baling, Bola Tampar, Bola Jaring, Badminton, Sepak Takraw, Ping Pong, Catur, Karom, Dart, Kayak, Paintball, Memanah, Golf, Petanque, Boling dan Menembak.

Dianggarkan hampir 1400 atlet telah menyertai SM4 pada kali ini yang melibatkan seluruh Mahkamah Syariah di Malaysia. Kontinjen Negeri Sembilan telah berjaya menduduki tempat ke-4 dari 15 kontinjen

dengan memperoleh 4 Pingat Emas, 5 Pingat Perak dan 10 Pingat Gangsa. Pecahan Pingat adalah seperti berikut:

| BIL | ACARA                         | PINGAT | JUMLAH |
|-----|-------------------------------|--------|--------|
| 1.  | DART PERSEORANGAN LELAKI      | EMAS   | 4      |
| 2.  | MEMANAH PERSEORANGAN WANITA   | EMAS   |        |
| 3.  | MEMANAH CAMPURAN              | EMAS   |        |
| 4.  | BOLA BALING LELAKI            | EMAS   |        |
| 5.  | BOLING PERSEORANGAN WANITA    | PERAK  | 5      |
| 6.  | DART REGU LELAKI              | PERAK  |        |
| 7.  | DART BERKUMPULAN              | PERAK  |        |
| 8.  | BOLA TAMPAR                   | PERAK  |        |
| 9.  | BADMINTON PERSEORANGAN WANITA | PERAK  |        |
| 10. | KAROM PERSEORANGAN LELAKI     | GANGSA | 10     |
| 11. | KAROM REGU CAMPURAN           | GANGSA |        |
| 12. | KAROM REGU WANITA             | GANGSA |        |
| 13. | PETANQUE LELAKI               | GANGSA |        |
| 14. | PETANQUE WANITA               | GANGSA |        |
| 15. | BOLING REGU LELAKI            | GANGSA |        |
| 16. | BOLING REGU WANITA            | GANGSA |        |
| 17. | MEMANAH LELAKI                | GANGSA |        |
| 18. | BOLA BALING WANITA            | GANGSA |        |
| 19. | BOLA SEPAK                    | GANGSA |        |

Pencapaian Pingat Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan dalam temasya sukan SMS4

| KEDUDUKAN PINGAT SUKAN MAHKAMAH SYARIAH (SMS4) 2017 |                 |      |       |        |
|---|-----------------|------|-------|--------|
|   | PASUKAN         | EMAS | PERAK | GANGSA |
| 1   | MELAKA          | 9    | 6     | 11     |
| 2   | W.PERSEKUTUAN   | 8    | 8     | 9      |
| 3   | JOHOR           | 6    | 5     | 9      |
| 4   | NEGERI SEMBILAN | 4    | 5     | 10     |
| 5   | PERLIS          | 4    | 3     | 2      |
| 6   | SABAH           | 4    | 1     | 5      |
| 7   | TERENGGANU      | 3    | 4     | 6      |
| 8   | PERAK           | 3    | 2     | 11     |
| 9   | KEDAH           | 3    | 2     | 6      |
| 10  | PULAU PINANG    | 2    | 2     | 5      |
| 11  | KELANTAN        | 1    | 2     | 8      |
| 12  | SARAWAK         | 1    | 0     | 1      |
| 13  | SELANGOR        | 0    | 5     | 8      |
| 14  | JKSM            | 0    | 3     | 1      |
| 15  | PAHANG          | 0    | 0     | 4      |

TERKINI 12/8/2017, JAM 7.15PTG

Kedudukan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan dalam carta temasya sukan SMS4